Pendidikan Islam:

Bolehlah dikatakan tiap-tiap hari kita mendengar khabar yang amat hina dan menyedihkan. Khabar terjadinya curi, rogol, pelacuran, rompak samun, perjudian dan sebagainya. Yang anehnya perkara-perkara ini ada yang dilakukan oleh orang-orang yang mengaku diri mereka beragama Islam yang bertuhankan semata-mata Allah, dan pengikut Nabi Besar Muhammad *ṣallā Allāhu ʿalayhi wa sallam.*

Keimanan Menghapuskan Segala Kejahatan

(oleh: Abdul Majid Haji Khatib)

Alangkah malunya kejadian-kejadian ini! Alangkah pedihnya hati orang-orang yang beriman mendengarkan saudara mereka yang seagama melakukan perbuatan-perbuatan yang terkutuk dan kotor itu! Sayang sekali agama Islam yang maha suci itu telah di nodai oleh pengikut-pengikutnya sendiri. Tetapi Islam itu suci walaupun seluruh manusia menodainya.

Semua ini adalah mungkin terbit dari ketipisan iman orang-orang yang melakukan perkara-perkara tersebut. Ada pula yang bermegah-megah dengan membuat kejahatan itu. Berbangga-bangga dengan perbuatan yang terlarang itu. Sayang mereka telah terbalik dari kebenaran!

Kita sepatutnya insaf dan sedar atas perkara ini. Mungkin satu sebabnya terjadi kemunduran umat-umat Islam kita ialah kerana meruntuhkan iman dan akhlak kita itu. Tetapi sayang amat kurang yang mahu insaf. Amat kurang yang mahu sedar. Mereka telah diperkuda oleh Syaitan dan Iblis. Mereka telah diselimuti oleh hawa nafsu yang bermaharajalela.

Bagi orang-orang yang telah sedar hakikat ini, marilah kita terangi dan suluh kegelapan yang menyelubungi umat Islam kita ini. Tanamkanlah benih-benih kesedaran kepada mereka. Tanamkanlah bibit-bibit keinsafan kepada mereka. Moga-moga mereka kembali ke jalan yang benar.

Kenapa terjadi pelacuran? Kenapa orang suka berjudi? Kenapa anak-anak muda terjerumus ke lembah hawa nafsu? Kenapa sebab perempuan terjadi perbunuhan, persengketaan, dan pertarungan? Kenapa pemimpin-pemimpin negara Islam bersengketa sesama sendiri? Kenapa ada pembesar-pembesar yang percaya dan menganut faham Komunis dan *Marxism*? Kenapa banyak pak-pak haji dan pak-pak lebai berkelakuan yang berlawanan dengan apa yang dicakapkan mereka? Kenapa ada orang yang pandai-pandai mengubah dan menyelweng dari ajaran agama Islam yang benar itu? Kenapa ada orang-orang Islam yang mengatakan pengajaran agama Islam itu telah lapuk dan tidak sesuai lagi di zaman "angkasa lepas" ini?

Mungkin sebab-sebab terjadinya perkara-perkara di atas ialah kerana ketipisan iman di hati nurani mereka itu. Jikalau seseorang itu telah mempunyai kesempurnaan iman tentulah semua perkara itu terhindar olehnya. Keimanan yang hakiki itulah menjadi pemagar atau pendinding yang kebal lagi handal untuk mempertahankan diri kita supaya tidak menjadi manusia yang terkutuk dan terhina pada sisi Allah Taʿālā.

Setelah kita tahu sebab terjadinya perkara-perkara yang keji dan hina itu, ialah oleh kerana ketipisan iman tadi; maka sekarang marilah kita cari jalan untuk mempertebal, memperkukuhkan dan memperkuat keimanan itu di dalam jiwa raga kita. Banyak cara yang boleh dilakukan. Mungkin sebahagian daripadanya ialah:

1. Pendidikan sejak kanak – kanak
2. Membiasakan berfikir dan merenungkan kejadian kita sendiri, dan kejadian alam sekitar.

3. Ingat akan mati
4. Mengingati Allah sepanjang masa dan keadaan.
5. Memperdalam pengajian agama Islam.
6. Bergaul dengan orang-orang yang berpengetahuan luas dalam agama Islam.
7. Memperluas propaganda Islam

Sekarang mari kita bincangkan dengan luas lagi perkara-perkara yang tersebut di atas.

1. Pendidikan sejak kanak-kanak.

Kanak-kanak itu adalah suci jiwanya yang senang dipengaruhi. Kalau ia dipengaruhi oleh unsur-unsur jahat, maka jahatlah ia. Sebaliknya jika ia dipengaruhi dengan unsur-unsur baik dan mulia, maka mulialah ia. Betul kata perumpamaan Melayu **"Jikalau hendak melentur buluh, lenturlah ketika ia rebung lagi"**. Ibu bapa bertanggungjawab bagi mendidik anak-anaknya supaya menjadi seorang manusia yang mulia dan beriman kepada Allah. Mengajar anak-anak itu biarlah bersesuaian dengan jiwa mereka. Mengajar anak-anak yang berumur lima tahun tidak serupa dengan mengajar anak-anak yang sepuluh tahun umurnya. Ini ialah tingkat pemikiran mereka berlainan. Pengajaran itu pula perlu disesuaikan dengan otak dan fikiran mereka. Tanamkan semangat keimanan kepada mereka dengan secara bersesuaian dengan pengajaran ilmu jiwa. Ajar mereka mengenal Allah dengan merenung dan memikirkan alam keliling, kejadian alam dan sebagainya. Ajar mereka masa makan, masa hendak tidur, masa bersiar-siar dan masa-masa yang lain lagi. Dengan secara tidak langsung anak-anak kecil itu diajar dan ditanam dengan semangat keimanan secara beransur-ansur dan tidak pula membosankan mereka. Semua ini boleh dilakukan oleh ibu bapa.

Ibu bapa adalah menjadi contoh kepada anak-anak mereka. Jikalau ibu bapa tidak sembahyang bagaimana pula anak-anak hendak mengikut. Ibu bapa itulah sebagai guru yang pertama bagi anak-anak. Ibu bapa itulah menjadi contoh dan tauladan kepada anak-anak mereka. **" Jikalau bapa kencing berdiri, maka anak akan kencing berlari".** Demikian kata pepatah Melayu kita. Oleh itu ibu bapa hendaklah melakukan segala perkara disuruh agama itu agar menjadi tiruan anak-anak mereka. Waktu sembahyang atau puasa atau ibadah-ibadah yang lain, maka anak-anak hendaklah disuruh ikut membuatnya dengan meniru-niru sambil diberi penjelasan yang bersesuaian dengan jiwa anak-anak itu. Bagi permulaan, ugutan dan paksaan mesti dijauhkan. Kerana ini berlawanan dengan pengajaran ilmu jiwa. Ugutan dan paksaan hanya boleh digunakan pada peringkat umur dan masa yang bersesuaian. Misalnya anak-anak yang berumur sepuluh tahun, maka boleh dipaksa untuk melakukan sembahyang dan lain-lain perkara yang disuruh agama itu.

Setelah mendapat didikan yang teratur dan licin ini, maka anak-anak itu perlu pula dihantar mengaji Qur'an dan pelajaran-pelajaran agama kepada guru-guru. Di sekolah-sekolah memang ada pelajaran-pelajaran agama Islam. Ibu bapa hemdaklah memberi perangsang dan inisiatif kepada anak-anak mereka supaya mereka mengambil berat atas pelajaran agama mereka. Berilah penerangan-penerangan dan hujah-hujah yang bersesuaian dengan otak dan kecerdasan anak-anak tentang ketuhanan dan pengajaran Islam yang sebenarnya itu. Apa yang penting ialah menanamkan semangat kesedaran dan keinsafan di jiwa anak-anak. Bukanlah dengan paksaan yang membuta sahaja.

2. Membiasakan berfikir dan merenungkan kejadian kita sendiri, dan kejadian alam sekitar.

Cubalah di waktu kita berseorangan, dengan tidak apa yang menganggu fikiran kita, kita bawa berfikir tetang hal kejadian kita sendiri. Tanyalah kepada diri kita. Misalnya :

1. Bagaimana aku boleh wujud di dalam dunia ini?
2. Siapa yang menjadikan aku?
3. Apa tujuan aku hidup ini?
4. Ke mana aku pergi bila aku mati?
5. Macam mana rupanya nyawaku ini?
6. Bahkan berpuluh-puluh pertanyaan lagi boleh kita fikirkan sambil menung-menung seorang diri itu.

Cubalah pula pergi bersiar-siar sambil menikmati keindahan alam di waktu pagi atau malam bulan mengambang, atau waktu matahari hendak masuk, atau di tepi laut atau tempat

peranginan, bahkan di mana dan bila-bila sahaja. Bersiar-siarlah seorang diri dan cuba berfikir dengan mendalam. Tanya diri sendiri. Umpamanya :

1. Siapa menjadikan keindahan alam ini?
2. Siapa yang mengaturkan segala-galanya?
3. Apa pula akan jadinya jika tiada satu kuasa yang maha agung yang mengatur alam ini sedemikian rupa?
4. Bahkan beratus-ratus soalan lagi.

Mudah-mudahan kesedaran dan keinsafan akan timbul di hati kita.

3. Ingat akan mati.

Tiap-tiap yang hidup akan mati. Mati itu tidak akan dapat dielak sama sekali. Satu daripada Rukun Iman ialah percaya akan Hari Akhirat. Cubalah kita menungkan dan fikir sebelum hendak tidur atau bila-bila masa yang sesuai akan keadaan di dalam kubur. Gambarkan keadaan masa kita melepaskan nyawa dari badan tatkala disentap oleh malaikat maut. Gambarkan bagaimana azabnya di dalam kubur yang amat sempit dan siapa pun tidak sanggup menemani kita. Gambarkan pula di dalam fikiran kita tentang azab neraka yang penuh seksaan yang pedih dan pahit sehingga tiada tertanggung oleh kita lagi. Dengan ingatnya kita akan mati itu, *in shā-Allāh*, kita bertambah-tambah takut akan Allah. Ini akan memperkuatkan lagi keimanan di dalam hati sanubari kita.

4. Mengingat Allah sepanjang masa dan keadaan.

Kita dikehendaki oleh agama supaya sentiasa mengingati Allah sepanjang masa dan setiap keadaan. Ingatlah Allah tatkala bangun tidur, tatkala turun tangga, tatkala mandi, tatkala makan, tatkala bekerja, tatkala berjalan, tatkala memandu *motorcar*, bahkan sepanjang masa. Sebutlah nama Allah tatkala aman dan perang, tatkala suka dan duka, tatkala ketawa dan menangis, tatkala berkawan dan berseorangan, tatkala berjumpa sahabat atau musuh, bahkan setiap keadaan. Berdoalah selalu kepada Allah meminta pertolongan, taufiq dan hidayah dari Allah dalam segala usaha dan kerja kita di atas bumi Allah ini. Moga-moga dengan ini semangat cinta kepada Allah akan bertambah mendalam menjadi darah daging kita. *In shā-Allāh*, ini menambahkan semangat keimanan yang sejati di jiwa kita.

5. Memperdalam pengajian agama Islam.

Apabila keimanan tadi telah meresap pada setiap nadi urat saraf kita ini, maka *in shā-Allāh*, Tuhan yang Maha Pengasih, akan sentiasa memberi pertolongan dan pertunjuk kepada kita ke jalan yang benar lagi diredai-Nya. Perasaan untuk mendalam pengajian kita tentang hal agama Islam akan timbul dan tumbuh dengan suburnya. Perasaan cinta akan agama akan timbul dan tumbuh dengan suburnya. *In shā-Allāh*, kita sentiasa ditunjuk akan kebenaran. Apabila pengajian kita telah bertambah dalam hal agama, maka tentulah bertambah-tambah iman kita. Mudah-mudahan Allah sentiasa mendorong hati kita untuk cenderung kepada pengajian agama Islam yang maha benar ini.

6. Bergaul dengan orang-orang yang berpengetahuan luas dalam agama Islam.

Pengaruh kawan-kawan pergaulan memang besar ertinya membentuk budi perkerti dan perasaan kita. Jika kita selalu bergaul dengan orang-orang yang berbudi rendah, maka sedikit sebanyak kita akan terpengaruh oleh mereka. Lalu kita pun turut berbudi rendah juga. Jikalau kita selalu bergaul dengan peminum arak atau pelacur, maka kita akan sama terikut-ikut menjadi peminum arak atau pelacur juga. Beberapa banyak orang-orang yang mulanya mulia telah jatuh ke jurang kehinaan, kerana pergaulan itu. Beberapa banyak pula orang-orang yang dulunya hina, telah naik kemuncak kemuliaan, kerana pergaulan juga. Oleh itu pandai-pandailah mencari kawan dan sahabat, jikalau kita hendak menyucikan diri kerana Allah semata-mata, maka bergaullah selalu dengan orang yang berakhlak tinggi, berbudi mulia, dan luas pengetahuannya dalam agama Islam. Semoga dengan pergaulan dengan orang-orang alim itu, kita akan mendapat manfaatnya.

Ini bukanlah bererti kita memusuhi orang-orang yang tiada memperdulikan ajaran agama itu. Kita boleh bergaul asalkan jangan pergaulan itu boleh merosakkan peribadi dan keimanan kita. Berkawanlah dengan mereka dengan yang sepatutnya. Jikalau boleh suluhlah kegelapan yang menyelubungi mereka itu dengan cahaya iman melalui nasihat-nasihat yang lemah-lembut dan bersesuaian dengan jiwa mereka.

7. Memperluas Propaganda Islam.

Tentang memperluaskan propaganda Islam ini boleh dilakukan dengan berbagai-bagai cara. Misalnya, melalui radio, televisyen, sekolah, maktab, universiti, buku-buku, risalah-risalah, surat-surat, guru-guru, orang-orang perseorangan, persuratan, bahkan lain-lain media lagi.

Didalam penyiaran radio dan televisyen, ruangan pengajaran agama Islam hendaklah ditambah lagi. Di samping itu, antara satu rancangan dengan rancangan yang lain, hendaklah diadakan kata-kata yang bersangkutan dengan agama Islam sebagai selingan. Sebagaimana iklan-iklan perdagangan, yang selalu kita dengar di radio-radio itu, maka begitu pulalah hendaknya diadakan selingan yang bersangkutan dengan agama Islam ang maha benar itu. Sandiwara-sandiwara atau lakonan-lakonan yang berunsur agama yang boleh membawa mempertebal keimanan, patut sekali diadakan dengan banyaknya. Terpulanglah kepada penulis-penulis atau pengarang-pengarang sandiwara atau lakonan radio dan televisyen mengelolakan hal ini.

Di sekolah-sekolah, maktab-maktab, dan universiti-universiti, di Malaysia, memang ada kelas-kelas agama Islam ini. Ini bersesuaian dengan agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia. Berterima kasihlah kita kepada kerajaan yang menitik-beratkan perkara agama Islam ini. Peperiksaan Sijil Persekolahan Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolah memang ada juga diuntukkan kepada pengetahuan agama Islam. Di universiti ada juga pelajaran agama Islam seperti pengajian Islam (*Islamic Studies*). Kerajaan juga ada mendirikan maktab Islam dan sekolah menengah dan rendah Islam di serata Malaysia ini. Di samping itu banyak pula sekolah-sekolah agama rakyat dan pondok-pondok tempat mengaji agama Islam. Ini semua adalah menjadi satu pendorong kepada orang-orang kita untuk memperdalami pelajaran agama Islam.

Melalui buku-buku boleh juga disebarkan pengetahuan agama Islam ini. Bukan sahaja buku-buku agama, tetapi juga melalui buku-buku novel atau cerpen, yang mana di dalamnya diselitkan pengajaran-pengajaran agama Islam itu. Ini adalah dengan secara tidak langsung, boleh menimbulkan kesedaran berbuat taat kepada agama.

Sebagai seorang Islam seharusnyalah tiap-tiap masa kita menyumbangkan tenaga, fikiran, nasihat-nasihat, dan sekurang-kurangnya doa bagi mempropagandakan ajaran-ajaran Islam itu, kita sepatutnya nasihat-menasihati antara satu dengan lain, bertolong-tolongan antara satu dengan lain, berkerjasam antara satu dengan lain hanya semata-mata kerana Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā.*

Melalui surat-menyurat antara sesama Islam, kita patut benar menyelitkan ayat-ayat yang berunsurkan agama di dalamnya agar menjadi peringatan kepada pembaca surat itu.

Guru-guru agama hendaklah selalu mempropagandakan pengajaran agama Islam itu di kampung-kampung, di masjid-masjid, di surau-surau, di bandar-bandar, bahkan di mana sahaja untuk menyedarkan orang ramai khususnya orang-orang Islam. Guru-guru ini hendaklah mempropagandakan pengajaran agama Islam itu semata-mata kerana Allah bukan kerana hendak nama, hendak wang, atau kerana memikat hati orang ramai untuk kepentingan diri sahaja. Dahulukanlah kepentingan kerana Allah.

Setiap individu atau orang-orang perseorangan hendaklah berjuang dalam bidang membimbing orang-orang yang melangar undang-undang Islam ke jalan yang benar, dan diredai allah.

Persatuan-persatuan kerana Allah amatlah baik. Perteguhkanlah persatuan itu dengan kerana Allah untuk berbakti kepada Allah semata-mata.

In shā-Allāh, dengan cara-cara ini dapatlah dihapuskan segala kejahatan dan kemungkaran yang dilakukan oleh orang-orang yang mengaku bertuhankan Allah dan pengikut Nabi Besar Muhammad (S.A.W).

Penting sekali ditimbulkan kesedaran dan keinsafan pada setiap umat Islam supaya beriman yang hakiki dan patuh kepada segala perintah-perintah Allah.

Moga-moga dengan kekuatan iman itu dapatlah dibina satu umat Islam yang teguh, kuat, perkasa, handal, berbudi mulia, berakhlak tinggi, dan dapatlah kita menguasai alam yang kucar-kacir ini. Di samping itu dapat pula disebarkan pengajaran agama Islam itu ke ceruk pelusok dunia yang dicipta Allah yang Maha Bijaksana ini.

Amīn, Amīn, Amīn, Yā Rabb al-'ālamīn.